

21/01/1999

Rakyat perlu susuli usaha kerajaan

M Thillinadan

KEPALA BATAS, Rabu - Komitmen dan kesungguhan kerajaan memulihkan ekonomi yang mula menunjukkan hasilnya sekarang, mesti disusuli dengan penyertaan rakyat, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, kerajaan hanya boleh merancang dan memberi arahan, tetapi rakyatlah yang terbabit secara langsung untuk merealisasikan pemulihan itu.

Menurutnya, berdasarkan beberapa petunjuk awal, kerajaan yakin dapat merekod pertumbuhan ekonomi positif tahun ini.

"Kesungguhan kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat dilihat melalui mesyuarat harian Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan mesyuarat mingguan Kabinet bagi membincangkan pemulihan ekonomi.

"Kekerapan mesyuarat itu sendiri membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap isu ekonomi dan usaha itu kini sudah mula menampakkan tanda positif.

"Kita mahu aliran itu diteruskan sehingga keadaan kembali seperti sediakala.

"Sekarang, kita berharap sokongan rakyat untuk meneruskan usaha yang sudah dimulakan kerajaan. Tanpa sokongan dan penyertaan rakyat, pemulihan ekonomi tidak mungkin berlaku," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka di kediaman keluarganya di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi MTEN, berkata antara tanda pemulihan ekonomi ialah peningkatan rizab tukaran asing negara daripada RM76 bilion pada 1997 kepada RM99.56 bilion pada 31 Disember 1998, meningkat sebanyak RM23.5 bilion, manakala lebih dagangan negara tahun lalu mencapai lebih RM50 bilion.

"Dalam kempen pemilikan rumah selama sebulan, hartanah bernilai RM3.8 bilion dapat dijual. Ini menunjukkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap industri hartanah.

"Pelaburan RM3.8 bilion adalah sangat besar dan melebihi anggaran awal kerajaan serta mewujudkan pergerakan wang tunai dalam pasaran hartanah, khususnya membolehkan pemaaju membayar kontraktor dan bank.

"Ini secara langsung akan mengurangkan pinjaman tidak berbayar (NPL) serta membantu pemulihan sektor perbankan," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan yakin merekodkan pertumbuhan positif satu peratus tahun ini, seperti yang dianggarkan ketika pembentangan Belanjawan 1999.

Menurutnya, kerajaan juga mahu bank dan institusi kewangan meluluskan pinjaman kepada perniagaan atau pelaburan yang dilihat berkebolehan, munasabah dan berdaya maju.

Mengulas sambutan Aidilfitri tahun ini, beliau berkata sambutannya lebih meriah, seolah-olah kegawatan ekonomi tidak memberi kesan terhadap rakyat.

"Kita mahu suasana harmoni, aman dan semangat muhibah antara rakyat pelbagai kaum seperti ini terus kekal," katanya.

(END)